



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PENGISYTIHARAN JANGKITAN MONKEYPOX SEBAGAI *PUBLIC HEALTH EMERGENCY OF INTERNATIONAL CONCERN* (PHEIC) OLEH WHO DAN KESIAPSIAGAAN KKM MENGHADAPI KEMUNGKINAN JANGKITAN MONKEYPOX DALAM NEGARA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan, pada 21 Julai 2022, *International Health Regulations* (2005) (IHR) *Emergency Committee* telah mengadakan mesyuarat kali kedua bagi membincangkan situasi jangkitan *monkeypox* di seluruh dunia. Hasil perbincangan tersebut telah dibentangkan kepada Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Seterusnya beliau telah mengumumkan bahawa jangkitan *monkeypox* yang berlaku pada masa ini adalah sebagai Kejadian Kecemasan Kesihatan Awam Yang Menjadi Kebimbangan Antarabangsa (*Public Health Emergency Of International Concern* (PHEIC)). Keputusan ini dibuat berdasarkan:

- i. Peningkatan mendadak jumlah kes yang dilaporkan oleh negara-negara bukan endemik *monkeypox*;
- ii. Wabak ini telah memenuhi tiga (3) kriteria PHEIC iaitu kesan kejadian kepada kesihatan awam, kejadian luar jangka dan risiko penularan rentas sempadan; dan
- iii. Bukti dan data saintifik berkaitan jangkitan ini.

Pada 17 Jun 2022, sebanyak 2,103 kes *monkeypox* dilaporkan berlaku di 42 buah negara dengan satu (1) kematian. Dalam tempoh kurang daripada dua (2) bulan, bilangan kes telah meningkat kepada 16,836 kes dengan lima (5) kematian dan melibatkan 74 buah negara pada 22 Julai 2022. Kadar fataliti kes *monkeypox* adalah 0.03 peratus. Kes *monkeypox* pertama kali dilaporkan oleh WHO pada 15 Mei 2022 dan berlaku di beberapa buah negara yang bukan endemik penyakit ini.

Berdasarkan laporan *Second Meeting of the International Health Regulation (2005) (IHR) Emergency Committee Regarding the Multi-Country Outbreak of Monkeypox* yang diterbitkan oleh WHO pada 23 Julai 2022, penularan virus *monkeypox* pada ketika ini dilaporkan berlaku dalam kalangan gay, biseksual dan lelaki lain yang melakukan hubungan seks dengan lelaki (MSM) atau individu dengan risiko tinggi jangkitan seperti pekerja seks dan transgender. Namun demikian, penyakit ini bukanlah penyakit bagi kumpulan ini secara eksklusif kerana ia boleh juga menjangkiti ahli keluarga melalui sentuhan.

Berikutan laporan WHO mengenai kejadian kes *monkeypox* di negara yang bukan endemik penyakit ini pada awal bulan Mei 2022, Kementerian Kesihatan (KKM) sehingga kini telah mempertingkatkan surveilan dan advokasi mengenai *monkeypox* melalui tindakan berikut;

- i. Memaklumkan kepada fasiliti kesihatan Kerajaan dan swasta keperluan menotifikasi kes disyaki dan disahkan *monkeypox* dengan segera bagi memastikan langkah kawalan dan pencegahan dapat diambil, termasuk mengenalpasti kontak rapat kes;
- ii. Mewujudkan surveilan sentinel di beberapa buah klinik swasta dan kerajaan bagi memantau kejadian penyakit ruam / lesi kulit;

- iii. Mempertingkatkan kapasiti makmal yang boleh menjalankan ujian pengesanan virus *monkeypox*, iaitu dua (2) makmal ditambah menjadi 12 makmal (lapan (8) makmal Kerajaan dan empat (4) makmal swasta); dan
- iv. Mempertingkatkan surveilans di pintu masuk antarabangsa negara (PMA) dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), syarikat-syarikat penerbangan dan agensi berkaitan termasuk pihak *Malaysian Airlines Holding Berhad* (MAHB).
- v. Berkerjasama dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Luar Negeri, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pelancungan (MOTAC), Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pengajian Tinggi, pihak badan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain yang berkaitan.

Berikutan pengumuman PHEIC yang dibuat oleh WHO, KKM mengingatkan kepada semua fasiliti kesihatan agar peka dengan situasi semasa *monkeypox* serta meningkatkan pengesanan kes dalam kalangan pesakit yang berisiko. Sehingga 23 Julai 2022, sebanyak sembilan (9) kes disyaki *monkeypox* telah dinotifikasi kepada KKM dan semua kes telah disahkan negatif *monkeypox*.

Maklumat berkaitan cara jangkitan virus Monkeypox:

- Virus *monkeypox* boleh disebarkan melalui sentuhan langsung dengan ruam atau lesi yang terjadi pada kulit, sama ada lesi yang baharu atau sudah menjadi kuping (*scab*), ataupun cairan daripada lesi tersebut.

- Transmisi virus juga boleh berlaku melalui sentuhan langsung dengan haiwan yang dijangkiti, sama ada dengan cara digigit atau dicakar oleh haiwan terbabit, atau dengan cara memakan ataupun menggunakan hasil produk haiwan berkenaan.
- Sentuhan dengan peralatan yang tercemar dengan lesi kulit ataupun cairannya juga boleh menyebabkan jangkitan.
- Kes *monkeypox* boleh menularkan jangkitan kepada individu lain dalam tempoh sehari sebelum terjadinya lesi pada kulit, sehingga 21 hari daripada bermulanya gejala atau sehingga lesi pada kulit menjadi kuping (*scab*) dan pesakit tidak lagi bergejala.
- Kes jangkitan *monkeypox* boleh pulih tanpa sebarang rawatan. Rawatan yang diberikan adalah bagi merawat gejala yang dialami oleh pesakit.

Semua pengembara bukan warganegara hendaklah mengisi pas kembara (*travellers card*) dalam aplikasi MySejahtera dan pengembara yang tiba dari negara-negara melaporkan *monkeypox* akan menerima *pop-up* mesej kesihatan setiap hari melalui MySejahtera untuk mengingatkan mereka agar memantau gejala jangkitan *monkeypox* dan status kesihatan.

Pengembara-pengembara yang tiba dari negara-negara terbabit, dinasihatkan memantau status kesihatan sendiri setiap hari termasuk gejala jangkitan *monkeypox* untuk tempoh selama 21 hari dari tarikh ketibaan di Malaysia. Gejala-gejala *monkeypox* adalah seperti:

- Demam
- Keletihan
- Sakit kepala

- Ruam makulapapular yang bermula di muka kemudian menyebar ke tapak tangan dan tapak kaki diikuti bahagian-bahagian tubuh yang lain.
- Lenguh tubuh badan
- Sakit bahagian belakang badan atau sendi
- Kejang otot; dan
- Pembengkakan kelenjar limfa.

Sejak 1 Mei 2022 sehingga 23 Julai 2022, seramai 531,630 pengembara yang direkodkan tiba dari negara yang melaporkan kes *monkeypox* dan aplikasi MySejahtera telah mengeluarkan *Health Alert Monkeypox* kepada pengembara-pengembara ini.

KKM menyeru individu yang mempunyai gejala *monkeypox* untuk segera ke fasiliti kesihatan untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut. Elakkan dari kontak dengan orang lain bagi mengelakkan penularan jangkitan.

Bagi pengendali premis-premis yang menyediakan perkhidmatan yang melibatkan kontak kulit dengan pelanggan seperti spa, urutan dan lain-lain aktiviti berisiko dimohon untuk sentiasa mengamalkan kebersihan diri dan persekitaran, serta memastikan pelanggan sihat, tidak mengalami gejala *monkeypox* dan tiada ruam makulapapular. Sekiranya terdapat pelanggan yang mempunyai gejala tersebut, nasihatkannya untuk segera mendapatkan rawatan. Manakala pekerja yang bergejala dinasihatkan untuk tidak hadir bertugas dan segera mendapatkan pemeriksaan kesihatan.

KKM sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan termasuk hospital dan klinik swasta dalam pemantauan serta pengesanan kes *monkeypox*; di samping meneruskan aktiviti-aktiviti advokasi kepada orang ramai.

Sekian, terima kasih.

KHAIRY JAMALUDDIN

Menteri Kesihatan Malaysia

25 Julai 2022